

Nilai murni dalam cerita Sang Kancil

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan terhadap nilai murni yang diterapkan dalam cerita Sang Kancil sebagai pembentuk nilai akhlak dalam kalangan kanak-kanak atau generasi muda. Menyedari hakikat ini, pengkaji telah menjalankan satu kajian terhadap penerapan nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam cerita Sang Kancil dengan menggunakan Teori Kebaikan oleh Al-Ghazali. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa cerita Sang Kancil sarat dengan nilai murni dan pengajaran yang telah digarapkan. Cerita Sang Kancil sesuai untuk dibaca oleh kanak-kanak di samping membantu menerapkan nilai-nilai murni dalam diri kanak-kanak sejak dari kecil lagi. Hal ini dapat membentuk dan menjadikan kanak-kanak yang mempunyai nilai akhlak dalam diri mereka agar tidak melakukan perkara yang akan merosakkan diri mereka pada masa hadapan. Cerita Sang Kancil juga banyak memberikan pengajaran kepada masyarakat agar mengamalkan nilai murni. Oleh itu, nilai murni dalam setiap buku cerita kanak-kanak perlulah diterapkan untuk dijadikan sebagai tauladan. Cerita Sang Kancil juga selaras dengan Teori Kebaikan Al-Ghazali (Farabi, 1961).

Kata kunci: Nilai murni; Pengajaran; Cerita Sang Kancil; Gagasan model kebaikan dalam aksi (VIA); Teori kebaikan oleh Al-Ghazali